

Guna untung syarikat besar untuk bantu PKS

BH 21/6/03

SYARIKAT besar tempatan, termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) diminta menggunakan keuntungannya untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berjaya sehingga menjadi syarikat bertaraf antarabangsa.

Wakil Umno Pahang, Datuk Mohd Sarit Yusoh berkata ia kerana penswastaaan yang dilaksanakan negara membuah hasil membanggakan apabila tujuh daripada 10 rancangan itu berjaya.

“Lihatlah TNB kerana ia dianggap satu daripada syarikat bertaraf dunia. Apabila mereka mengeluarkan bon di pasaran Eropah, ia habis dilangan pengurus dana asing dalam masa 10 jam,” ka-

tanya ketika membahaskan usul ekonomi.

Beliau juga berharap TNB tidak menaikkan tarif elektrik terlalu cepat kerana ia mampu membantut pertumbuhan ekonomi negara.

Mohd Sarit juga mencadangkan kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mencari jalan mewujudkan cukai tanpa tarif bagi melindungi industri automotif negara daripada runtuh.

“Ia adalah industri strategik kerana tidak semua negara ada industri ini. Ia adalah titik peluh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Kita sudah melahirkan lebih 500 pengusaha komponen kereta bagi pasaran tempatan dan antarabangsa. Kalau tak beri perlindungan, ia akan hancur dan industri berkaitan seperti industri insurans akan runtuh juga,” katanya.

Cadangan lain yang dikemukakan Mohd Sarit ialah memastikan bank perdagangan tempatan memberi pinjaman berdasarkan aliran tunai untuk membantu IKS dalam pertumbuhan ekonomi.

Beliau memuji sikap rendah diri Dr Mahathir yang akan bersara pada Oktober ini kerana sanggup meminta maaf kepada rakyat kerana tiada pemimpin terkenal dunia pernah berbuat demikian.